

SPADA UMS, AADK Sabah Komited Bantu Belia Terlibat Penyalahgunaan Dadah

Terakhir dikemaskini: Rabu, 23 September 2020 08:59 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 2



SELASA, 22 SEPTEMBER - Lembaga Program Pengkhususan dalam Penyalahgunaan Alkohol dan Dadah (SPADA), Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Negeri Sabah komited dalam membantu golongan belia yang terlibat dalam aktiviti penyalahgunaan dadah.

Menurut penyelaras Program SPADA UMS, Dr. Noor Hassline Mohamed, ahli lembaga SPADA akan berusaha dan bersedia menyalurkan kepakaran bagi membantu golongan belia dalam mengatasi isu penyalahgunaan dadah melalui pendekatan kepakaran masing-masing yang terdiri daripada pakar kaunseling, psikologi (klinikal, industri, sosial dan pendidikan) dan psikiatri.

“Melalui pendekatan kepakaran pelbagai disiplin ini, ia dapat dilihat sebagai salah satu usaha UMS dalam membantu golongan penagih dan belia yang terlibat dalam penagihan dadah dan bahan terlarang khususnya di Sabah,” katanya.

Tambah Dr. Noor Hassline, sebuah perbincangan bersama AADK,

Pusat Kelestarian Libatsama Masyarakat (PKLM) dan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UMS telah diadakan dan kerjasama dengan pihak-pihak tersebut mampu menangani cabaran dalam penyalahgunaan dadah dan alkohol disamping memberikan penekanan kepada strategi kearah kebaikan kehidupan masyarakat.

“Antara intipati yang dibincangkan adalah pengoperasian Klinik SPADA di *Cure and Care Rehabilitation Centre* (CCRC) di bawah AADK Negeri Sabah, Program Keluarga Angkat bersama anggota keluarga penagih dadah, program kerjaya dan komuniti di kalangan bekas penagih dadah, beberapa program dan aktiviti lain seperti webinar, sijil kemahiran menolong, serta penempatan pelajar SPADA dalam praktikum dan latihan industri di AADK.

“Program Keluarga Angkat dan pendekatan berkonsepkan ‘Modul Keluarga Bahagia’ yang telah dibangunkan oleh Profesor Dr. Mohd Dahlan Hj A. Malek bersama ahli penyelidik FPP UMS ini berkesan dalam mengenalpasti punca dan kesan dadah kepada individu, masyarakat dan negara,” ujarnya.

Sementara itu, Pengarah PKLM UMS, Dr Jakarta Dasan berkata bantuan kepakaran daripada pihak akademik, agensi kerajaan dan belia mampu menyokong penubuhan *University for Society* (U4S) yang bertujuan untuk membantu para belia menjadi usahawan.

“Pihak-pihak ini akan menyediakan beberapa produk untuk diberikan kepada golongan belia bagi menjana sumber pendapatan kendiri dan ini boleh